

PENENTUAN SPESIFIKASI DAN PENILAIAN TEKNIKAL
PRODUK SUSU PELBAGAI FUNGSI

Disediakan oleh;
Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi Produk Susu Pelbagai Fungsi
Perkhidmatan Dietetik dan Sajian, Kementerian Kesihatan Malaysia



PENENTUAN SPESIFIKASI PRODUK SUSU PELBAGAI FUNGSI

Spesifikasi Teknikal

1. Pengenalan

1.1 Definisi:

Produk susu pelbagai fungsi bermaksud produk susu steril dalam bentuk cecair, serbuk atau sedia diminum dengan formulasi khas yang membekalkan keperluan makro dan mikro nutrien tertentu bagi perawatan dan pemulihan pesakit. Ia boleh diambil secara oral, melalui tiub atau digunakan di dalam masakan dan minuman.

Susu pelbagai fungsi bermaksud susu yang dibekalkan kepada pesakit di Hospital -Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang merangkumi empat (4) bahagian:

1.1.1 Bahagian I : Susu *Medical Food Formula for Adult*;

1.1.2 Bahagian II : Susu *Medical Food Formula for Paediatric*;

1.1.3 Bahagian III : Susu *Metabolic Product Formula for Adult and Paediatric*;
dan

1.1.4 Bahagian IV : Susu Untuk Kegunaan Masakan Dan Minuman.

2. Takrif dan Terjemahan

2.1 Hospital bermaksud sebuah fasiliti Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, di mana orang awam mendapat perkhidmatan perubatan.

2.2 Kerajaan adalah pihak hospital yang menerima bekalan dan penghantaran produk susu pelbagai fungsi.

Spesifikasi Umum

1. Tempoh Kontrak

- 1.1. Tempoh sah laku kontrak adalah selama 12 bulan berkuatkuasa dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Walau bagaimanapun, tempoh kontrak perkhidmatan ini adalah bergantung kepada prestasi perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat.
- 1.2. Pihak Kerajaan berhak menamatkan perjanjian kontrak sebelum berakhir tempoh kontrak dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari bagi keadaan di mana Kerajaan mendapati pembekalan dan penghantaran susu pelbagai fungsi terjejas teruk sehingga mengganggu proses perawatan pesakit. Laporan prestasi perkhidmatan syarikat akan disediakan oleh Kerajaan bagi memastikan syarikat telah memberi perkhidmatan yang baik.
- 1.3. Sekiranya tempoh tamat kontrak kurang daripada tiga puluh (30) hari, Kerajaan berhak menamatkan kontrak pada bila-bila masa bagi keadaan di mana Kerajaan mendapati pembekalan dan penghantaran susu pelbagai fungsi terjejas teruk sehingga mengganggu proses perawatan pesakit.
- 1.4. Setelah perjanjian tamat, pihak syarikat perlu melalui proses tender baru seperti yang ditetapkan.

2. Status Syarikat

- 2.1. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 2.2. Syarikat hendaklah berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan sepanjang tempoh kontrak.
- 2.3. Syarikat mestilah e-Perolehan *enabled*.
- 2.4. Keutamaan akan diberi kepada syarikat yang mempunyai pengalaman di dalam pengurusan pembekalan dan penghantaran susu pelbagai fungsi ke hospital.
- 2.5. Bukti pengalaman syarikat terlibat dalam tawaran tender hendaklah dikemukakan semasa menyerahkan kertas cadangan tender.

3. Tawaran Membekal dan Menghantar

3.1 Syarikat perlu mengemukakan maklumat tawaran susu pelbagai fungsi berdasarkan kepada kriteria berikut :

3.1.1. Bahagian I : Susu *Medical Food Formula for Adult*

- 3.1.1.1. Nama dan saiz pembungkusan produk yang ditawarkan;
- 3.1.1.2. Harga pasaran dan harga yang ditawarkan; dan
- 3.1.1.3. Syarikat tidak boleh menawarkan satu jenis produk yang sama secara berulang bagi beberapa item yang berbeza.

3.1.2. Bahagian II : Susu *Medical Food Formula for Paediatric*

- 3.1.2.1. Nama dan saiz pembungkusan produk yang ditawarkan;
- 3.1.2.2. Harga pasaran;
- 3.1.2.3. Harga yang ditawarkan. Bagi produk bayi (berumur kurang dari satu tahun), tawaran harga hendaklah diselaraskan dengan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi Dan Produk Berkaitan, iaitu tidak kurang dari lapan puluh peratus (80%) daripada harga pasaran semasa bagi Hospital Rakan Bayi;
- 3.1.2.4. Harga produk bayi (berumur kurang dari satu tahun) yang tidak kurang dari lapan puluh peratus (80%) sebagai bukti perbandingan harga dan pematuhan terhadap tata etika tersebut;
- 3.1.2.5. Produk susu kanak-kanak (berumur lebih dari satu tahun) adalah terkecuali dari tata etika tersebut ; dan
- 3.1.2.6. Syarikat tidak boleh menawarkan satu jenis produk yang sama secara berulang bagi beberapa item yang berbeza.

3.1.3. Bahagian III : Susu *Metabolic Product Formula for Adult and Paediatric*

- 3.1.3.1. Nama dan saiz pembungkusan produk yang ditawarkan;
- 3.1.3.2. Harga pasaran dan harga yang ditawarkan; dan
- 3.1.3.3. Syarikat tidak boleh menawarkan satu jenis produk yang sama secara berulang bagi beberapa item yang berbeza.

3.1.4. Bahagian IV : Susu Untuk Kegunaan Masakan Dan Minuman

- 3.1.4.1. Nama dan saiz pembungkusan produk yang ditawarkan;
- 3.1.4.2. Harga pasaran dan harga yang ditawarkan; dan
- 3.1.4.3. Syarikat tidak boleh menawarkan satu jenis produk yang sama secara berulang bagi beberapa item yang berbeza.

- 3.2. Kerajaan mempunyai pilihan untuk melantik sama ada satu pembekal untuk membekal semua jenis susu pelbagai fungsi atau beberapa pembekal untuk membekalkan jenis item berlainan. Pelantikan beberapa pembekal boleh dibuat dalam keadaan di mana satu pembekal tidak berupaya membekalkan semua jenis item atau pembekal berlainan menawarkan harga terbaik bagi jenis item yang berlainan.

4. Pembungkusan dan Pelabelan

- 4.1. Saiz pembungkusan susu pelbagai fungsi perlu dibekalkan mengikut spesifikasi kontrak yang dipersetujui.
- 4.2. Item susu pelbagai fungsi ini perlu dibekalkan di dalam bekas bertutup yang selamat (tin tahan karat, botol kaca atau plastik yang dibenarkan).
- 4.3. Item susu pelbagai fungsi ini perlu diangkut, disimpan dan dibungkus di bawah keadaan yang bersih dan bersanitasi di premis berlesen menurut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 4.4. Item susu pelbagai fungsi perlu bebas daripada sebarang kontaminasi.
- 4.5. Item susu pelbagai fungsi perlu bebas dari rasa dan bau yang tidak menyenangkan.
- 4.6. Setiap bekas perlu dilabel dengan perkara berikut :
 - 4.6.1. Nama, jenama dan negara pengeluar produk;
 - 4.6.2. Nama dan alamat pengeluar;
 - 4.6.3. Informasi pemakanan;
 - 4.6.4. Isipadu dalam unit metric;
 - 4.6.5. Nombor kod siri pengeluaran atau tarikh pembuatan;
 - 4.6.6. Ayat “ Tidak Sesuai Untuk Bayi” (bagi Bahagian IV);
 - 4.6.7. Tarikh luput; dan
 - 4.6.8. Logo HALAL.

5. Sampel dan Katalog

- 5.1. Syarikat perlu menyerahkan item berikut semasa menyerahkan kertas cadangan tender tanpa sebarang caj tambahan :-
 - 5.1.1. Semua sampel produk dalam saiz pembungkusan yang ditawarkan dan katalog produk tersebut untuk Bahagian I dan II;
 - 5.1.2. Semua katalog produk tersebut untuk Bahagian III; dan

- 5.1.3. Semua sampel produk tersebut dalam saiz pembungkusan yang ditawarkan untuk Bahagian IV.
- 5.2. Kesemua sampel harus dilabel mengikut item susu pelbagai fungsi yang disenaraikan.

6. Pesanan

Pihak Kerajaan akan membuat pesanan rasmi mengikut tatacara perolehan yang berkuatkuasa.

7. Tempoh Penghantaran

- 7.1. Penghantaran produk susu pelbagai fungsi adalah dalam tempoh :
 - 7.1.1. 14 hari hingga 30 hari dari tarikh pesanan rasmi Kerajaan dikeluarkan bagi Bahagian I, II dan IV; dan
 - 7.1.2. 60 hari hingga 90 hari dari tarikh pesanan rasmi Kerajaan dikeluarkan bagi Bahagian III.
- 7.2. Penghantaran item susu pelbagai fungsi perlu dilakukan pada hari bekerja sahaja.

8. Pembekalan, Penolakan dan Penggantian

- 8.1. Perkhidmatan pembekalan susu pelbagai fungsi kepada Kerajaan perlu dijalankan sepanjang tahun selama tempoh kontrak mengikut pesanan.
- 8.2. Pembekalan susu pelbagai fungsi perlu mempunyai tarikh luput sekurang-kurangnya enam (6) bulan bagi produk cecair dan dua belas (12) bulan bagi produk serbuk.
- 8.3. Setiap pesanan susu pelbagai fungsi dibekalkan hendaklah mengikut jenis item dan kuantiti yang ditetapkan.
- 8.4. Syarikat perlu mematuhi kaedah pengesahan waktu penerimaan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.
- 8.5. Pengesahan penerimaan bekalan susu pelbagai fungsi boleh dilaksanakan kemudian sekiranya pemeriksaan fizikal tidak dapat dijalankan serta-merta ke atas keseluruhan bekalan dengan syarat penerimaan tersebut hendaklah dicop “Diterima / dengan syarat ianya disahkan kemudian secara diperiksa atau dikira”.
- 8.6. Syarikat perlu membuat penggantian dengan kadar segera terhadap :

- 8.6.1. Penolakan produk yang rendah kualiti sebelum tamat tempoh item tersebut; dan
 - 8.6.2. Penolakan produk dengan pembungkusan yang kemek, karat atau rosak.
- 8.7. Syarikat perlu mengemukakan permohonan rasmi untuk mendapat pertimbangan dan persetujuan pihak Kerajaan bagi :
- 8.7.1. Penggantian produk yang boleh menjejaskan perkhidmatan;
 - 8.7.2. Pertukaran jenis produk;
 - 8.7.3. Pertukaran jenis pembungkusan;
 - 8.7.4. Pertukaran saiz pembungkusan; dan
 - 8.7.5. Pertukaran formulasi produk yang tidak mematuhi spesifikasi kontrak.

9. Pembayaran

- 9.1 Pihak Kerajaan akan membuat pembayaran berdasarkan jumlah dan jenis susu pelbagai fungsi mengikut pesanan.
- 9.2 Denda yang dikenakan akan ditolak daripada bil tuntutan pembayaran syarikat.

10. Pematuhan Kepada Akta, Peraturan dan Jaminan HALAL

- 10.1. Syarikat perlu mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
- 10.2. Syarikat adalah diwajibkan untuk memastikan bahawa bekalan susu pelbagai fungsi yang dibekalkan telah mendapat pengiktirafan pensijilan HALAL Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau yang diiktiraf oleh JAKIM. Salinan bukti pensijilan HALAL **WAJIB** dikemukakan bersama dokumen tawaran sebut harga atau tender.
- 10.3. Syarikat digalakkan untuk membekalkan produk yang mempunyai program jaminan keselamatan makanan, contohnya salah satu pensijilan seperti GMP, HACCP, ISO22000, MESTI dan lain-lain.

- 10.4. Syarikat perlu mematuhi program jaminan keselamatan makanan yang dilaksanakan di premis Kerajaan.

11. Pensampelan

Pihak Kerajaan berhak membuat pensampelan ke atas susu pelbagai fungsi dalam tempoh kontrak. Jika berlaku pelanggaran ke atas keputusan pensampelan, pihak Kerajaan berhak mengambil tindakan undang-undang berdasarkan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Pihak syarikat diwajibkan untuk mengganti bekalan berkenaan yang masih berbaki dan segala kos perbelanjaan adalah di bawah tanggungan pihak syarikat.

12. Hak Kerajaan Apabila Syarikat Dikenakan Tindakan Undang-Undang

Pihak Kerajaan berhak dimaklumkan oleh syarikat sekiranya terdapat sebarang tindakan undang-undang berkaitan keselamatan makanan yang dikenakan ke atas syarikat.

13. Hak Kerajaan Terhadap Ketidakpatuhan Syarikat

Denda akan dikenakan jika berlaku salah satu atau lebih keadaan seperti di Perkara 13.1 hingga 13.4. Syarikat perlu memberi maklumbalas bertulis dan mengambil tindakan segera untuk setiap ketidakpatuhan yang ditemui. Tuntutan denda akan dibuat secara rasmi.

Sila rujuk Tatacara Pengurusan Denda di **Lampiran 1** untuk contoh ketidakpatuhan dan juga cara pengiraan denda.

13.1 Ketidakpatuhan Tempoh Penghantaran :

13.1.1 Lewat Penghantaran Pertama

- 13.1.1.1 Kegagalan syarikat menghantar susu pelbagai fungsi dalam tempoh tiga puluh (30) hari [susu bahagian I, II dan IV] dan tempoh sembilan puluh (90) hari [susu bahagian III] dari tarikh pesanan rasmi Kerajaan dikeluarkan akan dikenakan denda; dan

13.1.1.2 Denda akan dikenakan sebanyak lima peratus (5%) ke atas jumlah kos bekalan yang lewat dihantar di dalam tempoh tersebut.

13.1.2 Lewat Penghantaran Kedua

13.1.2.1 Kegagalan syarikat menghantar susu pelbagai fungsi dalam tempoh empat puluh lima (45) hari (susu bahagian I, II dan IV) dan tempoh seratus dua puluh (120) hari (susu bahagian III) dari tarikh pesanan rasmi Kerajaan dikeluarkan akan dikenakan denda; dan

13.1.2.2 Denda akan dikenakan sebanyak sepuluh peratus (10%) ke atas jumlah kos bekalan yang lewat dihantar di dalam tempoh tersebut.

13.2 Kegagalan Membekal :

13.2.1 Kegagalan syarikat membekal susu pelbagai fungsi dalam tempoh enam puluh (60) hari [susu bahagian I, II dan IV] dan tempoh seratus lima puluh (150) hari [susu bahagian III] dari tarikh pesanan rasmi Kerajaan dikeluarkan akan dikenakan denda; dan

13.2.2 Denda akan dikenakan sebanyak tiga puluh peratus (30%) ke atas jumlah kos bekalan yang gagal dibekal dalam tempoh tersebut.

13.3 Kegagalan Membekalkan Mengikut Spesifikasi :

13.3.1 Jika syarikat tidak membekalkan susu pelbagai fungsi mengikut spesifikasi, Kerajaan berhak menolak bekalan tersebut dan mengenakan denda; dan

13.3.2 Denda akan dikenakan sebanyak sepuluh peratus (10%) ke atas jumlah kos bekalan susu pelbagai fungsi yang tidak mengikut spesifikasi.

13.4 Pembekalan Rendah Kualiti

13.4.1 Jika syarikat membekalkan susu pelbagai fungsi yang rendah kualiti (rosak/ rendah mutu/ bermasalah), Kerajaan berhak menolak bekalan tersebut dan mengenakan denda; dan

13.4.2 Denda akan dikenakan sebanyak sepuluh peratus (10%) ke atas jumlah kos bekalan susu rendah kualiti tersebut.

14. Pembelian Di Luar Kontrak

Kerajaan berhak membuat pembelian di luar kontrak sekiranya berlaku kelewatan atau kegagalan membekal dalam tempoh yang telah ditetapkan. Jika kos memperolehi bekalan dari punca lain itu melebihi harga dalam perjanjian ini, syarikat adalah dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Kerajaan.

15. Lain-lain

15.1.

15.2. Kepentingan perkhidmatan kepada pelanggan adalah diutamakan.

15.3. Syarikat adalah bertanggungjawab mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

15.4. Sekiranya ada pertikaian dalam pelaksanaan kontrak maka tafsiran dari Kerajaan akan digunapakai.

16. Penutup

Syarikat perlu sentiasa menjalinkan hubungan kerjasama yang baik dengan Kerajaan demi untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dengan mengutamakan perawatan, pemulihan dan kepuasan pelanggan.

TATACARA PENGURUSAN DENDA PRODUK SUSU PELBAGAI FUNGSI

Ketidakpatuhan boleh berlaku melebihi daripada satu (1) jenis dalam satu (1) tempoh penyerahan. Kaedah pengiraan denda adalah berdasarkan jenis ketidakpatuhan yang berlaku.

Pesanan produk susu pelbagai fungsi untuk tujuan contoh pengiraan adalah seperti berikut:

Jenis Item	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Pesanan	Jumlah Harga (RM)	Tempoh Penghantaran Pertama	Tempoh Penghantaran Kedua (daripada tarikh pesanan)
Susu D (Bahagian I)	28.00	24 tin	672.00	30 hari	45 hari
Susu K (Bahagian II)	30.00	24 tin	720.00	30 hari	45 hari
Susu M (Bahagian III)	200.00	12 tin	2,400.00	90 hari	120 hari
JUMLAH			3,792.00		

Kategori denda adalah seperti di bawah:

BIL	KETIDAKPATUHAN/ KADAR DENDA	CONTOH SITUASI	TINDAKAN/ KAEDAH PENGIRAAN
1.	Ketidakpatuhan Tempoh Penghantaran Kadar denda:		Formula pengiraan denda: Nilai denda = Kadar denda x (kuantiti pesanan terlibat x harga seunit)

BIL	KETIDAKPATUHAN/ KADAR DENDA	CONTOH SITUASI	TINDAKAN/ KAEDAH PENGIRAAN									
	<p>a) Denda Penghantaran Pertama: Denda sebanyak lima peratus (5%) akan dikenakan dari jumlah kos bekalan yang lewat dihantar selepas tempoh penghantaran pertama.</p>	<p>Lewat Penghantaran Pertama</p> <p>Contoh: Syarikat telah menghantar 24 tin bekalan Susu D selepas 31 hari dari tarikh pesanan rasmi Kerajaan dikeluarkan.</p>	<p>Tindakan: Mengenakan denda berjumlah lima peratus (5%) ke atas 24 tin Susu D yang dibekalkan.</p> <p>Contoh pengiraan denda:</p> <table border="1" data-bbox="1467 483 1992 794"> <thead> <tr> <th>Jenis Item</th> <th>Kaedah Pengiraan</th> <th>Nilai Denda (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Susu D</td> <td>5% x (RM28.00 x 24 tin)</td> <td>33.60</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH DENDA (RM)</td> <td>33.60</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Item	Kaedah Pengiraan	Nilai Denda (RM)	Susu D	5% x (RM28.00 x 24 tin)	33.60	JUMLAH DENDA (RM)		33.60
Jenis Item	Kaedah Pengiraan	Nilai Denda (RM)										
Susu D	5% x (RM28.00 x 24 tin)	33.60										
JUMLAH DENDA (RM)		33.60										
	<p>b) Denda Penghantaran Kedua: Denda sebanyak sepuluh peratus (10%) akan dikenakan dari jumlah kos bekalan yang lewat dihantar selepas tempoh penghantaran kedua.</p>	<p>Lewat Penghantaran Kedua</p> <p>Contoh: Syarikat telah membekalkan 18 tin Susu K pada penghantaran pertama dalam tempoh 30 hari, manakala baki susu sebanyak 6 tin Susu K pula dihantar pada hari ke 50 dari tarikh pesanan.</p>	<p>Tindakan: Mengenakan denda berjumlah sepuluh peratus (10%) ke atas 6 tin Susu K yang lewat dibekalkan selepas 45 hari.</p> <p>Contoh pengiraan denda:</p> <table border="1" data-bbox="1467 1057 1992 1367"> <thead> <tr> <th>Jenis Item</th> <th>Kaedah Pengiraan</th> <th>Nilai Denda (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Susu K</td> <td>10% x (RM30.00 x 6 tin)</td> <td>18.00</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH DENDA (RM)</td> <td>18.00</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Item	Kaedah Pengiraan	Nilai Denda (RM)	Susu K	10% x (RM30.00 x 6 tin)	18.00	JUMLAH DENDA (RM)		18.00
Jenis Item	Kaedah Pengiraan	Nilai Denda (RM)										
Susu K	10% x (RM30.00 x 6 tin)	18.00										
JUMLAH DENDA (RM)		18.00										

BIL	KETIDAKPATUHAN/ KADAR DENDA	CONTOH SITUASI	TINDAKAN/ KAEDAH PENGIRAAN									
		<p>Pembelian Di Luar Kontrak</p>	<p>i. Pihak Kerajaan boleh membeli kesemua bekalan dari punca lain sekiranya berlaku kelewatan atau kegagalan bekalan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Jika kos bagi memperolehi bekalan dari punca lain melebihi daripada nilai harga kontrak, syarikat adalah dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Kerajaan.</p> <p>Contoh pengiraan pampasan terhadap perbezaan harga:</p> <table border="1" data-bbox="1470 779 1995 1169"> <thead> <tr> <th data-bbox="1470 779 1600 922">Jenis Item</th> <th data-bbox="1600 779 1801 922">Kaedah Pengiraan</th> <th data-bbox="1801 779 1995 922">Nilai Pampasan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1470 922 1600 1065">Susu M</td> <td data-bbox="1600 922 1801 1065">(RM210.00- RM200.00) x 12 tin</td> <td data-bbox="1801 922 1995 1065">120.00</td> </tr> <tr> <td colspan="2" data-bbox="1470 1065 1801 1169">JUMLAH KESELURUHAN (RM)</td> <td data-bbox="1801 1065 1995 1169">120.00</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Item	Kaedah Pengiraan	Nilai Pampasan (RM)	Susu M	(RM210.00- RM200.00) x 12 tin	120.00	JUMLAH KESELURUHAN (RM)		120.00
Jenis Item	Kaedah Pengiraan	Nilai Pampasan (RM)										
Susu M	(RM210.00- RM200.00) x 12 tin	120.00										
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		120.00										
2.	<p>Kegagalan Membekalkan Mengikut Spesifikasi</p> <p>Kadar denda:</p>	<p>Pembekalan Tidak Mengikut Spesifikasi</p> <p>Contoh:</p>	<p>Tindakan:</p> <p>ii. Pihak Kerajaan perlu menolak bekalan Susu K. Syarikat masih perlu membekalkan 12 tin susu M dan dikenakan denda sebanyak sepuluh</p>									

BIL	KETIDAKPATUHAN/ KADAR DENDA	CONTOH SITUASI	TINDAKAN/ KAEDAH PENGIRAAN									
	<p>Denda adalah sebanyak sepuluh peratus (10%) dari jumlah kos bekalan susu yang tidak mengikut spesifikasi</p>	<p>Jumlah pesanan Susu M adalah 12 tin. Tetapi pembekal menghantar 12 tin Susu K.</p>	<p>peratus (10%) dari jumlah kos bekalan susu M</p> <p>Contoh pengiraan denda:</p> <table border="1" data-bbox="1467 423 1990 735"> <thead> <tr> <th data-bbox="1467 423 1587 565">Jenis Item</th> <th data-bbox="1587 423 1852 565">Kaedah Pengiraan</th> <th data-bbox="1852 423 1990 565">Nilai Denda (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1467 565 1587 667">Susu M</td> <td data-bbox="1587 565 1852 667">10% x (RM200.00 x 12 tin)</td> <td data-bbox="1852 565 1990 667">240.00</td> </tr> <tr> <td colspan="2" data-bbox="1467 667 1852 735">JUMLAH DENDA (RM)</td> <td data-bbox="1852 667 1990 735">240.00</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Item	Kaedah Pengiraan	Nilai Denda (RM)	Susu M	10% x (RM200.00 x 12 tin)	240.00	JUMLAH DENDA (RM)		240.00
Jenis Item	Kaedah Pengiraan	Nilai Denda (RM)										
Susu M	10% x (RM200.00 x 12 tin)	240.00										
JUMLAH DENDA (RM)		240.00										
3.	<p>Pembekalan Rendah Kualiti</p> <p>Kadar denda:</p> <p>Denda sebanyak sepuluh peratus (10%) dari kos bekalan susu rendah kualiti yang diterima</p>	<p>Tin susu kemek</p> <p>Contoh:</p> <p>Syarikat menghantar 12 tin Susu K yang kemek.</p>	<p>Tindakan:</p> <p>Pihak Kerajaan berhak menolak 12 tin Susu K dan syarikat perlu menggantikannya. Denda akan dikenakan sebanyak sepuluh peratus (10%) ke atas nilai 12 tin Susu K yang ditolak.</p> <p>Contoh pengiraan denda:</p> <table border="1" data-bbox="1467 1141 1990 1386"> <thead> <tr> <th data-bbox="1467 1141 1587 1282">Jenis Item</th> <th data-bbox="1587 1141 1852 1282">Kaedah Pengiraan</th> <th data-bbox="1852 1141 1990 1282">Nilai Denda (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1467 1282 1587 1386">Susu K</td> <td data-bbox="1587 1282 1852 1386">10% x (RM30.00 x 12 tin)</td> <td data-bbox="1852 1282 1990 1386">36.00</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Item	Kaedah Pengiraan	Nilai Denda (RM)	Susu K	10% x (RM30.00 x 12 tin)	36.00			
Jenis Item	Kaedah Pengiraan	Nilai Denda (RM)										
Susu K	10% x (RM30.00 x 12 tin)	36.00										

BIL	KETIDAKPATUHAN/ KADAR DENDA	CONTOH SITUASI	TINDAKAN/ KAEDAH PENGIRAAN	
			JUMLAH DENDA (RM)	36.00